

English | Malay | 中文 | معربي | Español



TENTANG BERNAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

E-NEWSLETTER

SENARAI BERITA

ARKIB BERITA

TETAPAN +

Breaking News/
Berita Terjemah

Laman Mikro > Perbankan & Kewangan • Auto • Penerangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah • Belia

Carian

 Berita
 Who's Who

RENCANA > BERITA

Jobs in Petronas

[monster.com.my](#)

Find Jobs in Companies Submit Resume to Apply Now

Bumiputera Perlu Rebut Peluang Jadi Akauntan Bertaualiah Melalui YPPB

Oleh Wan Shahara Ahmad Ghazali

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Statistik jumlah keseluruhan akauntan negara yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 2012 menunjukkan bahawa, golongan Bumiputera hanya merangkumi 28 peratus daripada bilangan akauntan tempatan.

Apabila data itu diperhalusi lagi, hanya lapan peratus sahaja iaitu 1,464 orang Bumiputera yang berlaraf profesional atau bergelar akauntan bertaualiah berbanding jumlah keseluruhan 19,062 akauntan bertaualiah tempatan.

Ini sudah tentu tidak seimbang dengan statistik populasi terkini negara yang mana golongan Bumiputera sebenarnya merangkumi 67.4 peratus daripada kira-kira 28 juta populasi negara.

Bimbang dengan data berkenaan, EPU mewujudkan agensi Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) yang bertanggungjawab untuk memperkasakan golongan Bumiputera dalam karier profesional.

Antara fungsi lain YPPB ialah untuk menangani isu kesukaran Bumiputera mendapat jawatan yang baik dan membantu meningkatkan bilangan golongan itu di dalam tenaga kerja berkemahiran tinggi memandangkan bilangan Bumiputera yang mengisi jawatan di tahap tenaga kerja pengurusan hanya empat peratus.

Baru-baru ini, YPPB mengambil inisiatif mengadakan sesi pertemuan di antara seorang ikon ekonomi negara iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dengan pelajar beberapa universiti terpilih.

Abdul Wahid, yang ialah seorang akauntan, pernah mengubah iklim banyak syarikat terkemuka termasuk institusi kewangan, Maybank, ketika menduduki kerusi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), sebelum dilantik menjadi Menteri Kabinet.

ASPIRASI NEGARA MAJU

Dalam sesi bertajuk 'Accountants-Life Beyond Calculators!!' itu, Abdul Wahid membincangkan kepentingan menceburii bidang perakaunan akibat keperluan dalam pelbagai lapangan yang perlu diisi dalam usaha negara mencapai status negara maju Wawasan 2020.

"Kita memerlukan lebih ramai akauntan untuk membantu pelbagai Projek 'Entry Point' di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), malah selari dengan pembangunan berterusan negara, kita juga memerlukan lebih ramai Akauntan Bertaualiah bagi menyokong aspirasi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi", tegasnya.

Beliau mengingatkan peserta bahawa hanya tinggal enam tahun sahaja lagi untuk Malaysia mencapai visi berkenaan, sekaligus memerlukan negara berusaha keras bagi membangunkan lebih banyak golongan profesional dan tenaga kerja mahir.


"Setakat Jun tahun lepas, terdapat 29,624 akauntan berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA), sedangkan negara memerlukan 60,000 akauntan menjelang 2020 bagi menampung kepesatan pembangunan dalam pelbagai sektor", katanya.

PROFESION PILIHAN

Beliau juga menepis pelbagai salah faham terhadap karier itu sekaligus memberi galakan kepada pelajar untuk mengambil peluang menceburii bidang yang menjanjikan pendapatan lumayan itu.

"Saya sama sekali tidak bersetuju dengan persepsi yang ada dalam kalangan sebahagian rakyat yang merasakan kerjaya akauntan itu 'membosankan', 'bersifat dunia' dan 'anti-sosial'", katanya.

Sebaliknya, beliau menganggap ia karier yang cukup menarik malah memberi contoh dirinya sendiri yang telah mendapat tempat serta peluang mengetuai pelbagai syarikat di dalam pelbagai sektor seperti infrastruktur, telekomunikasi dan



» Berita Utama Terdahulu

Jabatan Kastam Sasar 123,000 Syarikat Mendaftar Bagi GST Sehingga 30 Sept

Lawatan Najib Berhasil Tetapkan Tempoh Konklusif Penghantaran Pulang Mayat Nahas MH17

Pemerintahan Perjanjian Dapat Selesaikan Isu Air Selangor - Muhyiddin

▼ iklan

Produk & Perkhidmatan BERNAMA

PERKHIDMATAN PERHUBUNGAN MEDIA DAN PENGURUSAN ACARA

Jangkauan Global, Peluang Di Merata Dunia

» Berita Terkini Lain

BN Selangor Harus Ambil Kesempatan Selesaikan Isu Rakyat - Pemerhati Politik - politik

Jabatan Kastam Sasar 123,000 Syarikat Mendaftar Bagi GST Sehingga 30 Sept- ekonomi

Dhaarma Raj Akur Jika MHC Ketepikannya Dari Jawatan Jurulatih Kebangsaan- sukan

Pesona Hidupan Laut, Keunikan Suzila Batik-rencana

Eithad Airways Sets New Record For Passenger Numbers- dunia

» Berita Pilihan Tertinggi

Jabatan Kastam Sasar 123,000 Syarikat Mendaftar Bagi GST Sehingga 30 Sept

Setiausaha Agung PBB Minta Rundingan Damai Dimulakan

MITI Harap Kerjasama Kerajaan Kelantan Bantu Realisasikan Taman Industri

institusi kewangan.

Beliau mengakui segala ilmu pengetahuan yang dikumpul semasa menjadi aktaun banyak membantunya memahami secara mendalam tentang dunia perniagaan, bukan terperinci kedudukan kewangan syarikat, amalan terbaik dalam pelbagai proses perniagaan, sekaligus menjadi diri beliau seperti hari ini.

"Aktaun bertauliah bertaraf profesional mempunyai lebih banyak peluang memajukan diri di dalam industri, malah terdapat ramai aktaun bertauliah yang muncul sebagai pemimpin korporat dan usahawan negara yang berjaya", katanya.

Beliau menyebut beberapa nama tokoh negara berlatarbelakangkan perakaunan sebagai contoh, CEO Khazanah Nasional, Tan Sri Azman Mokhtar, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Tan Sri Mohd Bakke Salleh, usahawan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes dan Datuk Kamarudin Meranun serta pengasas Symphony House, Tan Sri Azman Yahya.

PENDAPATAN LUMAYAN

Lebih baik lagi, kata Abdul Wahid, profesion ini menjanjikan pendapatan lumayan sebagaimana yang dilaporkan oleh Robert Walters "Salary Survey Report 2013 for Malaysia".

Laporan itu menyatakan tawaran gaji pokok untuk jawatan peringkat pengurusan kanan seperti CFO, Ketua Auditor Dalaman dan Financial Controller ialah antara RM200,000-RM500,000 setahun.

Gaji untuk profesional di peringkat pengurusan seperti penganalisis perniagaan dan pengurus kewangan pula antara RM96,000-RM216,000 setahun, manakala jawatan di peringkat eksekutif pula boleh mencapai sehingga RM102,000 setahun.

Bagaimanapun, beliau menginggalkan bahawa kejayaan aktaun secara profesional adalah bergantung kepada latihan pasca-kelayakan serta pembangunan diri yang memerlukan mereka bersaing di dalam iklim terkini industri.

"Justeru, graduan perakaunan digalakkan untuk mengejar pensijilan profesional yang akan membantu mereka mengekalkan tahap jangkaan dan kecekapan serta menghadapi perubahan dan pembangunan dalam industri", jelasnya.

SIJIL PROFESIONAL

Mengenai tugas YPPB untuk memperkasakan Bumiputera dalam bidang profesional, Abdul Wahid mahu Bumiputera merebut sepenuhnya peluang bantuan yang disediakan melalui pelan pensijilan profesional yang diusahakan sejak tahun 2013.

Pelan jangka panjang yang bertujuan membangunkan lebih ramai profesional Bumiputera itu dikenali sebagai 'YPPB Roadmap To 2020' dan telah menggariskan pelbagai strategi bagi membantu meningkatkan kapasiti pembangunan, tahap kepakaran dan pendidikan.

"Walaupun program itu turut memberi tumpuan kepada profesion lain seperti arkitek dan jurutera, cabaran paling kritis adalah untuk menghasilkan lebih ramai aktaun profesional bagi memenuhi permintaan industri dan negara", jelas Abdul Wahid.

Justeru, YPPB mewujudkan program yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk membantu melonjakkan anak Bumiputera yang benar-benar bertekad mahu mengejar impian untuk menjadi aktaun bertauliah berjaya.

Ia menasarkan pekerja berusia tidak lebih 40 tahun yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya diploma dengan keputusan cemerlang dalam bidang berkaitan perniagaan.

Wawasan yayasan itu ialah mahu membantu sekurang-kurangnya 3,500 Bumiputera menjelang tahun 2020, atau 500 orang setahun menerusi tiga program iaitu Peneraju Profesional Aktaun (PPA), Peneraju Profesional Pensijilan Perakaunan (PPP) dan Peneraju Skil Perakaunaan (PSP).

LALUAN KARIER PANTAS

Abdul Wahid juga menyeru ibu bapa untuk mencungkil potensi anak pada usia yang lebih muda iaitu seawal tamat persekolahan, bagi membolehkan mereka merebut peluang mencapai kejayaan iaitu naik ke peringkat pengurusan kanan industri perniagaan dengan lebih cepat.

"Satu lagi program yang baru sahaja dilancarkan ialah Peneraju Profesional Aktaun Muda (PPAM) iaitu biasiswa atau pinjaman penuh atau separuh kepada pelajar lepasan SPM, diploma dan siswa cemerlang tahun ketiga atau keempat bagi mendapatkan sijil profesional", tambahnya.

Program itu menyediakan laluan karier paling pantas untuk golongan muda mendapatkan sijil perakaunan asas antarabangsa iaitu CAT, CFAB dan CIMA-CBA serta sijil perakaunan profesional antarabangsa iaitu ACCA, ICAEW, MICPA-ICAA, CIMA dan CPA Australia di institusi pendidikan terpilih tempatan.

Buat masa ini program PPAM itu boleh didapati di Lembah Klang dan Kuching, Sarawak.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program khas perakaunan untuk Bumiputera itu dan program profesional lain dengan melayari laman web YPPB di alamat www.penerajuedu.com.

-- BERNAMA